



Warga Proaktif, INTURA Inovatif

## Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif

**K**onvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) adalah untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada semua anggota perkhidmatan awam yang terlibat di dalam projek dan aktiviti KIK di samping meningkatkan keyakinan dalam kalangan mereka bahawa KIK boleh dilaksanakan dalam sektor awam. Malah KIK dapat membantu perkhidmatan awam dalam menyelesaikan masalah berkaitan tugas mereka dan seterusnya melakukan penambahbaikan secara berterusan dalam sektor awam.

Konvensyen KIK Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tahun 2016 telah diadakan pada 10 November 2016 bertempat di Dewan Mezzanine, Aras 2, Blok C1, JPA Putrajaya. Konvensyen kali ini melibatkan lapan penyertaan kumpulan iaitu tujuh kumpulan dari bahagian di JPA dan INTAN yang diwakili oleh INTURA.

Kumpulan **Gempaq 2.0** dari INTURA mempertaruhkan tajuk projek '**Pergerakan Pegawai Sukar Dikesan**' di mana masalah ini dapat diselesaikan melalui satu sistem iaitu **Sistem Pergerakan Pegawai (i-Gerak)**. Sistem yang dihasilkan ini memudahkan perancangan untuk



Sesi soal jawab

menjalankan aktiviti penting jabatan kerana maklumat pergerakan pegawai telah dikemaskini dan sistem ini boleh dicapai secara atas talian oleh semua warga INTURA. Sistem ini memudahkan dan mengurangkan masa mengesahkan pergerakan pegawai, mengetahui aktiviti, lokasi dan status ketiadaan pegawai dan secara tak langsungnya dapat menyampaikan perkhidmatan yang responsif bagi memenuhi kepuasan pelanggan.

Panel Penilai terdiri daripada Dr. Wan Mohd Kamil bin Dato' Wan Nik, Pengarah Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pn. Saharah binti Sapiyi, Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan Pengurusan, MAMPU, dan Pn. Manzlina binti Sulaiman, Konsultan dari Ideal Connectors.

Keputusan konvensyen bakal diketahui tidak lama lagi. Semoga kejayaan berpihak kepada INTURA. Tahniah kepada Kumpulan Gempaq 2.0 kerana telah berjaya memupuk semangat kerjasama dan memberikan komitmen dalam melaksanakan projek sehingga berjaya menghasilkan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti untuk INTURA.



Barisan ahli kumpulan Gempaq 2.0 bersama Penyelaras dan Fasilitator selepas persembahan

## Program INTAN Team Integration 2016

**S**eramai 65 orang warga INTAN dari seluruh kampus telah menghadiri Program INTAN Team Integration anjuran Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) Pejabat Pendaftar, INTAN Bukit Kiara. Program telah diadakan di INTAN Wilayah Utara pada 18 hingga 21 November 2016 dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dr. Anessee b. Ibrahim, Pendaftar INTAN pada 19 November 2016. Program ini melibatkan aktiviti di sekitar INTAN Wilayah Utara dan Tasik Beris, Kedah. Aktiviti di INTAN Wilayah Utara lebih memfokuskan kepada *ice breaking*, pembentukan kumpulan, persaingan, penggunaan elemen iLead-Park dan penyatuan kumpulan besar. Manakala aktiviti di Tasik Beris pula merupakan aktiviti berkayak sambil menikmati keindahan alam semulajadi dan menghargai alam sekitar. Majlis Makan Malam turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN dan isteri serta beberapa orang Pegawai Pengurusan Tertinggi INTAN.



Dr. Anessee merupakan salah seorang peserta untuk program kali ini

### Am I Ready To Retire?

Plan for a happy retirement by asking yourself these questions

Are you ready for a happy retirement in every sense of the word - financially, emotionally, and mentally? Before you start inviting your officemates to cut you a cake and send you off with confetti, take a few moments to ask yourself these key questions.

#### Do you have a plan for life after retirement?

Before we begin talking about finances, let's take a step back to assess the bigger picture: Are you retiring from something, or are you pivoting into a new life? Retiring for the sole sake of escaping your current role may not be a fulfilling move if you lack plans for life after retirement. The goal to golf more is a recipe for a lovely weekend, not an entire year. Make sure you have plans for what to do in retirement. Some suggestions: volunteer work, caring for grandchildren, or learning another language or skill.

#### Do you know how much money you need to retire?

Have you seriously asked yourself, "How much do I need to retire?" Do you know how much money you can expect to collect from Social Security, pensions, and other income sources, such as royalties or rental income? In addition, do you know the balance in your investment portfolio and have you planned a withdrawal strategy? This retirement income calculator, courtesy of State Farm, can help you start the process.

#### Do you understand how your budget might change?

Your spending habits will change in retirement. The good news is that work-related costs like commuting and professional clothing will no longer play a major

role in your budget. The bad news? You may find yourself dealing with new expenses you didn't anticipate, such as retrofitting your home due to physical limitations that accompany aging, outsourcing tasks like lawn care and meal preparation, and higher-than-ever health care bills. You'll also want to spend more money on travel, hobbies and entertainment, as well as leave gifts for your grandkids. Take a careful look at your retirement budget, bearing in mind that it may be different than your current spending.

#### Do you carry any debt?


Retiring while still carrying debt may not be the wisest choice. If you're still paying off a mortgage, credit card balance, auto loans or a portion of your children's student loans, you may want to consider staying in the workforce for a few more years. Yes, you can certainly repay your debts from your retirement income, but do you want that level of risk and stress? Remember: Just because you've reached full retirement age doesn't mean you necessarily need to stop working.

#### Have you thought about alternative income sources?

Retirement is a major life change, and many people who jump in without purpose may find themselves financially solvent but unhappy. Try this exercise: Map out every hour of an ideal day during retirement. What would you do once you wake up? What next? How do you spend the afternoon? What are your early evening activities? Do these answers change seasonally? If you don't know how to spend your time, you may want to clarify your purpose and vision before you take the retirement plunge.

*Extract from [www.thebalance.com](http://www.thebalance.com)*


## Bahan Bacaan Pilihan Bulan November



Buku ini memperkenalkan satu set kemahiran kepimpinan yang secara jelas mengaitkan inovasi dan kreativiti dengan keadaan spesifik dan kualiti individu serta kesedaran kolektif. Buku ini juga mencabar pemimpin untuk belajar memanfaatkan pebezaan, bermain dengan perimpangan baru dan bekerja dengan pemikiran kolektif untuk membantu pasukan mencapai kejayaan melalui proses kreatif.



Buku ini menawarkan lapan langkah ke arah kejayaan strategik di mana kejayaan dilihat melalui strategi bukan perancangan semata tetapi juga proses yang terlibat. Langkah-langkah ini membantu anda membina strategi secara praktikal bukan hanya sekadar teori.



Buku ini menyediakan keperluan mengurus tuntutan penguurusan daripada pelbagai pihak yang mempunyai kepakaran yang berbeza. Buku ini menerangkan tugas seorang pengurus dan bagaimana mengisi jawatan tersebut dengan berkesan melalui pendekatan secara praktikal dan panduan yang diperlukan dalam menguruskan individu dan pasukan di tempat kerja/organisasi.



### KONVENSYEN KIK 2016

HARAP2 JANGANLA ADA VIDEO YANG SANGKUT SATGI...

AWAT MUKA SERIUS SANGAT DR.? TENGOK GAYA MACAM INTURA BOLEH MENANG TU



GILIRAN INTURA NO. 4 EN. AZIZ

JOM PEKENA TEH TARIK DULU...



ULASAN KETUA PANEL



GEMPAQ 2.0 : BERFIKIR SECARA KREATIF DAN INOVATIF

ABIH LA MUKA AKU YANG HENSEM NI...

### INTAN TEAM INTEGRATION



TENSION AKU MAIN GAME NIH...

TAKUTTT!!!



RILEKS...



PIKACHU!!!

LAJU...LAJU... AKU NAK KAWEN DENGAN ANAK RAJA



WAKIL INTURA



PARA PESERTA BERGAMBAR KENANGAN

### **Bermanis Muka Ketika Bertemu**

#### **Hadis**

Daripada Abu Dzar RA katanya, Rasulullah SAW bersabda kepadaku, “Janganlah engkau anggap remeh apa-apa amalan yang baik walaupun kebaikan itu dengan sekadar menunjukkan muka yang manis semasa bertemu dengan saudaramu.”

(Hadis Riwayat Muslim)

### Tahukah Anda ?

#### **PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 2002**

(Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia)

Kepentingan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) kepada Pegawai Yang Dinilai (PYD) adalah seperti berikut:

- Menentukan penempatan dan bidang kerja sesuai dengan potensi, kebolehan, keistimewaan serta kemajuan pegawai
- Menentukan kesesuaian dan kelayakan untuk kenaikan pangkat, pemangkuan, pinjaman dan pertukaran sementara
- Menentukan kelayakan atau kesesuaian untuk pergerakan dan anjakan gaji
- Menentukan penganugerahan khidmat cemerlang, pingat dan bintang kebesaran serta pemberian surat penghargaan
- Mengenalpasti dan merancang keperluan latihan dan
- Memberi kaunseling dengan tujuan memperbaiki dan mempertingkatkan prestasi serta motivasi pegawai.

Sumber: Unit Integriti JPA

#### **Huraian**

- 1) Islam itu mengambil berat tentang hal kebaikan, walau sekecil mana amalan kebajikan dilakukan pasti akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT.
- 2) Umat Islam dilarang memandang enteng perkara-perkara kebajikan walaupun sekadar senyum semasa bertemu dengan kawan-kawan dan saudara-saudara seagama, kerana senyuman itu juga akan mendapat balasan pahala.
- 3) Senyuman boleh menumbuhkan rasa cinta dan sayang antara yang bersaudara dan sesama manusia

Sumber: Kitab Riyadhus Salihin (JAKIM)

## Kursus Sepanjang Disember 2016

#### **KURSUS BERJADUAL**

1. Kursus Pengurusan Fail dan Rekod  
28/11/2016 hingga  
01/12/2016
2. Kursus Pengukuhan Pasukan  
05/12/2016 hingga  
08/12/2016
3. Bengkel Penyediaan MPK dan FM  
05/12/2016 hingga 08/12/2016




#### **PERMINTAAN JABATAN**

1. Kursus Pengukuhan Pasukan JAKIM  
01/12/2016 hingga 04/12/2016
2. Kursus Pengukuhan Pasukan Jabatan Pertanian  
05/12/2016 hingga 08/12/2016

1 Sentiasa Di Hadapan  
Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran

#### **INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA**

KAMPUS WILAYAH UTARA  
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL  
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH  
Tel : 04-4218321 Faks : 04-4214489

 [www.intanbk.intan.my](http://www.intanbk.intan.my)

 [maklumbalas@intura.intan.my](mailto:maklumbalas@intura.intan.my)

 INTAN Kampus Wilayah Utara

Untuk pertanyaan kursus hubungi :

**Setiausaha Kursus : 04-4218321**

samb. 238 (Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud/ Pn. Ku Intan Shakinah bt. Ku Ahmad)

samb. 118 (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)